

Mangsanya bertambah, kini meningkat setengah juta

WALAUPUN kerajaan dan badan-badan sukarela telah menjalankan tugas dengan giat, perangkaan menunjukkan bahawa bilangan penagih masih bertambah.

Setakat ini, bilangan penagih berdaftar ialah kurang 79,000 orang, tetapi jika nisbah untuk setiap penagih yang berdaftar, ada sekurang-kurangnya tujuh lagi yang tidak didaftarkan, bilangan penagih di negara ini adalah tidak kurang dari 500,000 orang — satu jumlah yang menakutkan.

Tabiat

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan *Kempen Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan* di Angkasapuri hari ini, memberi jumlah itu yang beliau sifatkan sebagai 'menakutkan'.

Dari segi rawatan dan pemuliharaan, banyak wang ringgit dan tenaga telah disalurkan oleh kerajaan, tetapi malangnya, sebilangan besar daripada penagih yang dirawat dan dipulihkan balik semula kepada tabiat lama.

Menurut Perdana Menteri, perangkaan di nega-

KUALA LUMPUR Sabtu

ra-negara maju menunjukkan hampir 90 peratus daripada penagih dadah yang dipulihkan berbalik kepada tabiat penagihan dalam masa empat atau lima tahun.

"Bukti-bukti seperti ini adalah sangat mengecewakan," kata Perdana Menteri. "Sungguhpun begitu, kita tidak harus berputus asa dan mesti terus berikhtiar mencari jalan menjamin pemulihan yang kekal dan berkesan."

Usaha ini, kata beliau lagi, memerlukan kerjasama ibu-bapa, keluarga

penagih dan masyarakat amnya.

Memandangkan hakikat ini, tegas beliau, peperangan melawan penyalah-gunaan dadah perlulah ditumpukan kepada *prevention* (pencegahan) lebih dari yang biasa dibuat.

"Semua badan sukarela dan jabatan kerajaan mestilah menyusun satu strategi baru yang untuk menyekat perkembangan tabiat ini.

"Selain dari menyekat kemasukan dadah dan pengedarannya, orang ramai mesti disedarkan mengenai bahaya dadah dan didorong supaya mengambil bahagian cergas dalam kempen pencegahan yang perlu diteruskan sepanjang masa."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia